



**SURAT PEMBERITAHUAN
PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 7(a)

Iklan adalah dibukakan kepada orang ramai dan pegawai-pegawai dan kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam

**PEGAWAI PERKAMUSAN (C.2 EB.3)
DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

Syarat-Syarat Am:

- (A) PEMOHON terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (C) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.
- (D) Bagi pemohon yang terdiri dari Pegawai-Pegawai Kerajaan hendaklah mempunyai tahap penilaian prestasi sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh tiga (03) tahun kebelakangan.



**1. PEGAWAI PERKAMUSAN
DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN
C.2 EB.3 [\$1,450 - \$2,270 SEBULAN]
KEKOSONGAN = SATU (01)**

KELAYAKAN MINIMUM:

1. a) Mempunyai *BDTVEC* / *BTEC* Sijil Tertinggi Kebangsaan (*HNC*) atau sebanding dalam bidang Bahasa Melayu / Bahasa Inggeris / Linguistik atau bidang bersesuaian.

ATAU

- b) Telah berkhidmat di Dewan Bahasa dan Pustaka dalam jawatan bersesuaian dalam tangga gaji C.1 atau sebanding tidak kurang dari 3 tahun atau sekurang-kurangnya dalam tangga gaji D.3 atau sebanding tidak kurang dari 5 tahun atau sekurang-kurangnya dalam tangga gaji D.1 atau sebanding tidak kurang dari 7 tahun.

ATAU

- c) Telah berkhidmat dalam perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian dalam tangga gaji C.1 atau sebanding tidak kurang dari 4 tahun atau sekurang-kurangnya dalam tangga gaji D.3 atau sebanding tidak kurang dari 6 tahun atau sekurang-kurangnya dalam tangga gaji D.1 atau sebanding tidak kurang dari 8 tahun.
2. Mempunyai daya inisiatif untuk merancang kerja-kerja untuk kemajuan dan perkembangan bahasa.
3. Boleh membaca dan menulis Jawi dengan baik.
4. Menguasai Bahasa Melayu, Linguistik dan Leksikografi dan Bahasa Inggeris adalah kelebihan.
5. Berpengalaman dalam penyelidikan serta berpengetahuan luas dalam perbendaharaan kata Melayu Brunei dan Kesusasteraan Melayu adalah kelebihan.



TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:

1. Membantu Ketua Unit dalam merancang projek Bahagian dan Unit dan menyediakan bahan / data untuk kertas kerja mengenainya;
2. Membantu Ketua Unit mengatur dan mengawasi tugas harian kakitangan Unit, termasuk disiplin dan prestasi kerja;
3. Mengendalikan projek / kegiatan yang telah dirancang oleh Ketua Bahagian dan seterusnya menyediakan laporan mengenainya;
4. Membantu Ketua Bahagian dan Ketua Unit menyediakan Laporan Tahunan dan Anggaran Perbelanjaan Tahunan untuk Bahagian;
5. Menyelidik dan mengumpul dialek-dialek dan bahasa-bahasa daerah / kaum yang ada di negara ini sebagai sumber rujukan dan seterusnya menyediakan huraian makna bagi setiap perkataan sesuai dengan tujuan penerbitan kamus;
6. Menyumbangkan (menulis) artikel kreatif dan non-kreatif untuk sumbangan ke dalam majalah / jurnal jabatan; dan
7. Tugas-tugas lain yang diatitkan oleh Ketua Bahagian dari semasa ke semasa.